



**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2020  
ANJURAN BERSAMA  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA NEGERI PERLIS  
DAN  
MAJLIS GURU CEMERLANG NEGERI PERLIS**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2020****1103/2 (PP)****Bahasa Melayu****Kertas 2****Peraturan Pemarkahan****Okttober**

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta Persidangan Pengetua-pengetua Sekolah Menengah dan Majlis Guru Cemerlang Negeri Perlis. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 15 halaman bercetak.

**Markah penuh Kertas 2 ialah 110 markah**

**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagikan kepada

- (a) Isi - 20 markah
- (b) Bahasa - 10 markah

**(a) Isi [20 markah]**

**Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja sebelum diperiksa.

- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.

- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah									Markah Maksimum
(i) Pendahuluan										2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv) Penutup/Kesimpulan										2
<b>Jumlah Markah</b>										<b>20</b>

**Soalan 1 : Rumusan****Pendahuluan****Markah**

Petikan membincangkan kebaikan/faedah/manfaat menguasai pelbagai bahasa kepada masyarakat/rakyat/di negara kita.

2

Rumusan membincangkan kebaikan/faedah/ manfaat menguasai pelbagai bahasa dan cara-cara meningkatkan penguasaan pelbagai bahasa dalam kalangan masyarakat.

2

Petikan/Rumusan membincangkan kebaikan/faedah/ manfaat menguasai pelbagai bahasa.

1

Petikan/Rumusan membincangkan kelebihan menguasai pelbagai bahasa.

0

**Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]**

1. seseorang tidak akan berasa kekok ketika berurusan dengan pihak luar dari negara asing 2
2. meningkatkan ilmu pengetahuan dan pelbagai kepakaran 2
3. merebut peluang pekerjaan khususnya dalam sektor swasta 2
4. satu nilai tambah dalam berkomunikasi dengan kaum-kaum lain secara berkesan 2
5. meningkatkan pengetahuan untuk mengenali keunikan bahasa dan budaya kaum 2
6. ejen perpaduan kaum 2
7. memahami dengan lebih meluas dan mendalam tentang budaya, pantang larang dan adat resam kaum 2
8. menyebarkan nilai murni 2
9. dapat melanjutkan pelajaran yang ke peringkat yang lebih tinggi 2
10. rakyat Malaysia akan dipandang tinggi oleh negara lain 2

**Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]**

1. ibu bapa menghantar anak menghadiri kelas bahasa 2
2. guru mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa 2
3. pihak sekolah menganjurkan program berkaitan bahasa 2
4. Dewan Bahasa dan Pustaka menganjurkan Festival Bahasa dan Sastera 2
5. Institusi pengajian tinggi menawarkan kursus bahasa lebih banyak 2

**Kesimpulan [2 markah]**

K1 Kesimpulannya, semua pihak perlulah menguasai pelbagai bahasa supaya melahirkan generasi yang berminda kelas pertama.

2

K2 Kesimpulannya, masyarakat perlulah menguasai pelbagai bahasa supaya melahirkan masyarakat yang cemerlang.

2

**[Kesimpulan lain yang sesuai boleh diterima]**

## (b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesinambungan isi baik</li> <li>• Struktur ayat/tatabahasa baik</li> <li>• Kosa kata luas</li> <li>• Tanda bacaan/ejaan betul</li> </ul>
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesinambungan isi masih baik</li> <li>• Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan</li> <li>• Kosa kata masih memuaskan</li> <li>• Tanda bacaan/ejaan juga memuaskan</li> </ul>
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan</li> </ul>

**Nota:**

- Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- Jika rumusan kurang **120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

**[Markah bahasa maksimum: 10 markah]**

**Soalan 2**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2 (a) : **9** markah
- Soalan 2 (b) : **9** markah
- Soalan 2 (c) : **8** markah
- Soalan 2 (d) : **9** markah

**Perhatian bagi Soalan 2 (a) hingga 2 (d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul**, berikan **separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman****1. Soalan 2 markah:**

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

**2. Soalan 3 markah:**

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Isi cukup dan lengkap/relevant dengan tugasan dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevant tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugasan, ayat gramatis	0

**3. Soalan 4 markah:**

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Isi cukup dan lengkap/relevant dengan tugasan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevant tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugasan, ayat gramatis	0

**Soalan 2(a) : Petikan Umum** **Markah**

**(i) Maksud *halangan besar***

- |  |   |
|--|---|
| - kekangan/masalah/cabarhan utama        | 2 |
| - <u>halangan</u> utama                  | 1 |
| - kekangan/masalah/cabarhan <u>besar</u> | 1 |

**[Maksimum: 2 markah]**

**(ii) Kesan keupayaan berkomunikasi antara kaum**

- P1 melahirkan generasi yang menghargai  
 P2 melahirkan generasi yang menghormati nilai bahasa  
 P3 melahirkan generasi yang menghormati budaya sesuatu kaum  
 P4 meningkatkan jati diri

**[Maksimum: 3 markah]**

**[Isi cukup: 2 isi]**

**(iii) Punca-punca kelemahan penguasaan bahasa Inggeris**

- P1 kekurangan penerapan bahasa Inggeris dalam aktiviti harian pada peringkat sekolah  
 P2 mentaliti masyarakat/pelajar yang menganggap bahasa Inggeris sukar/susah dikuasai  
 P3 penawaran kursus intensif bahasa Inggeris kurang di universiti  
 P4 sikap malu untuk bertutur dalam bahasa Inggeris  
 P5 kurang galakan/sokongan daripada ibu bapa  
 P6 guru kurang kreatif dalam pengajaran

**[Maksimum: 4 markah]**

**[Isi cukup: 3 isi]**

**Soalan 2 (b) : Petikan Prosa Moden** **Markah**

**(i) Kesan yang berlaku**

- |  |   |
|--|---|
| P1 mengundang resah  | 1 |
| P2 mengundang marah/amarah   | 1 |
| P3 masing-masing bangun untuk berjuang menegakkan identiti sendiri | 1 |

**[Maksimum: 2 markah]**

**(ii) Usaha yang berkesan**

- |  |
|--|
| P1 masyarakat mengadakan gotong-royong                           |
| P2 masyarakat menganjurkan rumah terbuka                         |
| P3 kerajaan memperkasa Sekolah Wawasan/sekolah kebangsaan        |
| P4 kerajaan menganjurkan program kenegaraan                      |
| P5 sekolah memperkasa aktiviti kokurikulum seperti program RIMUP |

**[Maksimum: 3 markah]**

**[Isi cukup: 2 isi]**

**(iii) Persoalan dalam petikan**

**P1 Kesan penjajahan terhadap rakyat/masyarakat.** **[1+1]**

Huraian: Pihak penjajah telah menjalankan sistem pecah dan perintah agar agihan kekayaan negara tidak berlaku secara adil hingga menimbulkan rusuhan kaum akibat rasa tidak puas hati rakyat.

**Persoalan dalam keseluruhan cerpen**

**K1 Ketaatan anak terhadap ibu.** **[1+1]**

Huraian: Mel mentaati nasihat ibunya yang tidak membenarkannya berhijrah ke bandar kerana pada pendapat ibunya, Mel masih belum cukup kuat jati diri untuk tinggal di bandar.

**K2 Kegigihan anak muda mendalami ilmu.** **[1+1]**

Huraian : Mel tekun belajar pelbagai ilmu yang berkaitan dengan kehidupan sebelum berhijrah ke bandar/Mel gigih dan rajin mengkaji teks Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah.

**K3 Tanggungjawab dalam menunaikan amanah.** **[1+1]**

Huraian : Mel bertanggungjawab dengan menyerahkan buku-buku yang dikirimkan oleh bonda kepada Munsyi.

**[Maksimum: 4 markah]**

**[Isi cukup: 2 isi]**

[Lihat halaman sebelah]

**SULIT**

**Soalan 2 (c) : Petikan Prosa Tradisional****(i) Maksud perahunya olang-oleng**

- sampannya/Tun Umar bergoyang ke kiri ke kanan

2

**[Maksimum: 2 markah]****(ii) Reaksi Sultan Muzaffar Syah**

P1 baginda terlalu suka/gembira

P2 baginda menganugerahkan persalinan kepada Bendahara Paduka Raja daripada pakaian yang mulia-mulia

P3 segala hulubalang yang berjuang bersama-sama dianugerahkan persalinan mengikut tugas/jawatan masing-masing

**[Maksimum: 3 markah]****[Isi cukup: 2 isi]****(iii) Usaha-usaha kerajaan**

P1 kerajaan melengkapkan peralatan senjata yang moden

P2 kerajaan menjalankan hubungan diplomatik dengan negara serantau

P3 kerajaan mengamalkan sistem demokrasi/keadilan

P4 kerajaan membasmi kemiskinan

P5 kerajaan menangani kegiatan jenayah

P6 kerajaan memantapkan pasukan keselamatan negara

**[Maksimum: 3 markah]****[Isi cukup: 2 isi]**

**Soalan 2 (d) : Sajak****(i) Doa yang dipohon oleh penyajak**

- P1 penyajak memohon keampunan daripada Tuhan dengan bersungguh-sungguh 1  
 P2 penyajak memohon supaya dia menjadi hamba/insan yang taat akan perintah Tuhan/agama 1  
 P3 penyajak berharap dia tidak lupa bahawa dunia ini bersifat sementara 1

**[Maksimum: 2 markah]****(ii) Peranan lain yang wajar dilakukan oleh ibu bapa**

- P1 ibu bapa memberikan kasih sayang secukupnya  
 P2 ibu bapa menerapkan nilai-nilai murni sejak kecil  
 P3 ibu bapa meluangkan masa bersama-sama anak-anak  
 P4 ibu bapa membawa anak-anak menghadiri majlis ilmu  
 P5 ibu bapa menjadi suri teladan yang baik  
 P6 ibu bapa memantau/mengawasi aktiviti/pergerakan anak-anak

**[Maksimum: 3 markah]****[Isi cukup: 2 isi]****(iii) Dua nilai**

- P1 Keinsafan (R1)** [1 + 1]  
 Terbit rasa keinsafan dalam diri penyajak ketika sujud di atas sejadah.

- P2 Keikhlasan (R3)** [1 + 1]  
 Penyajak ikhlas memohon kemaafan daripada Pencipta dengan penuh keinsafan.

- P3 Ketekunan (R3)** [1 + 1]  
 Penyajak tekun/bersungguh-sungguh memohon keampunan daripada Pencipta.

- P4 Ketaatan/kepatuhan (R5)** [1 + 1]  
 Penyajak taat/patuh perintah-Nya/Tuhan dengan menunaikan solat.

**[Maksimum: 4 markah]**  
**[Isi cukup: 2 isi]**

**Soalan 3****Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

- Soalan 3(a) : **6** markah  
 Soalan 3(b) : **6** markah  
 Soalan 3(c) : **6** markah  
 Soalan 3(d) : **6** markah  
 Soalan 3(e) : **6** markah

**Perhatian bagi soalan 3(a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi ayat tersebut.

**Jawapan 3(a)**

- (i)      segar;  
masih baru, sihat benar, cergas, subur, pantas
- (ii)     menyegarkan;  
menjadikan segar, menyihatkan, menyuburkan
- (iii)    enak;  
sedap, nyaman
- (iv)    mengenakkkan;  
menjadikan enak, menyedapkan, menyenangkan, melazatkan, kesenangan
- (v)     sulam;  
jahitan untuk perhiasan pada tekat
- (vi)    menyulam;  
menjahit sulam, menekat, mengganti pokok-pokok yang  
mati dengan pokok-pokok yang baharu, menyelang sesuatu dengan sesuatu yang lain

**[6 markah]**

[Lihat halaman sebelah]

**SULIT**

**Jawapan 3(b)**

**Tukarkan ayat cakap ajuk di bawah kepada ayat cakap pindah tanpa mengubah maksud asalnya.**

- (i) Datuk Azrul **memberitahu** bahawa kerajaan hanya membenarkan peniaga tempatan berniaga di kawasan tersebut.
- (ii) Emak **menasihati** Umar agar mengamalkan penjarakan fizikal semasa melakukan aktiviti riadah dan rekreasi untuk mengelakkan penularan penyakit.
- (iii) Cikgu Noor **menanyakan** Farah sebab dia tidak menghantar kerja sekolah yang diberikan pada minggu lepas.

**[6 markah]**

**Jawapan 3(c) Kesalahan ejaan dan imbuhan**

- (i) kurantin – kuarantin  
dijangkiti – jangkitan
- (ii) sediakan – menyediakan  
akedemik – akademik
- (iii) komisyen – komisen  
belian – pembelian

**[6 markah]**

**3(d) Kesalahan istilah/kata dan tatabahasa**

- (i) dan – dengan  
alat – kemudahan/prasarana/infrastruktur
- (ii) senarai barang-barang – senarai barang/barang-barang  
keramaian – jamuan
- (iii) membayai – menyara  
di dalam – dalam

**[6 markah]**

**3(e) Peribahasa**

- (i) harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama
- (ii) belakang parang kalau diasah lagikan tajam/lekuk batu dititik air selalu
- (iii) orang mengantuk disorongkan bantal/pucuk dicita ulam mendatang

**[6 markah]**

**Soalan 4****Markah penuh 15 markah****Panduan pemarkahan bagi Soalan 4(a)**

- (a) (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.  
 (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.  
 (iii) Beri 1 markah bagi **keistimewaan watak utama** yang betul/tepat.  
 (iv) Beri 1 markah bagi setiap **peristiwa/huraian** yang lengkap/jelas.  
 (v) Markah isi maksimum 4 markah (Maksimum 2 markah bagi setiap keistimewaan watak utama)  
 (vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.  
 (vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.  
     Baik : 3 markah  
     Sederhana : 2 markah  
     Lemah : 1 markah  
 (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.  
 (ix) Calon tidak menjawab 0 markah.  
 (x) Markah bahasa boleh lebih daripada markah isi.

**[Maksimum: 7 markah]****Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin****1. Seorang yang prihatin.**

- Lili sangat prihatin akan nasib malang Che Jah dan anak-anaknya yang sering menjadi mangsa keganasan Seman. Lili telah meminta bantuan Puan Hamimah untuk membuat aduan tentang sikap Seman terhadap Che Jah.

**2. Seorang yang penyayang.**

- Lili tidak membantah permintaan ibunya yang menyuruhnya pulang bercuti di kampung datuknya di Dungun, Terengganu.

**3. Seorang yang berani.**

- Lili berani pergi ke rumah Che Jah untuk melawat Haziq dan Rafiq walaupun dia pernah diculik oleh mereka berdua.

**4. Seorang yang setiakawan.**

- Lili yang berbangsa Melayu berkawan rapat dengan Danel yang berbangsa Cina dan Geetha yang berbangsa India. Mereka bersepakat sehingga berjaya menyelesaikan isu kubah surau di Kampung Sentosa.

**5. Seorang yang berpandangan jauh.**

- Lili sanggup mempelajari dan menguasai bahasa asing seperti bahasa Thai, bahasa Jepun dan bahasa Latin sebagai bekalan masa depannya.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

**Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip****1. Seorang yang gigih.**

- Dahlia gigih menuntut ilmu sehingga memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan STPM. Dia berjaya mendapat tawaran melanjutkan pelajaran ke Jepun.

**2. Seorang yang penyayang.**

- Dahlia sanggup keluar dari asrama demi menjaga adik-adiknya sewaktu emak dan ayahnya dirawat di hospital. Dia sanggup ponteng sekolah kerana ingin menguruskan adik-adiknya dan menjaga Anggerik yang sakit.

**3. Seorang yang berani.**

- Dahlia berani terjun ke dalam sungai untuk menyelamatkan Said, anak Aton yang lemas walaupun Dahlia tidak pandai berenang.

**4. Seorang yang bijak.**

- Dahlia bijak menguruskan masa dengan membuat ulang kaji di pusat pemindahan banjir Kampung Parit Haji Rais setelah rumahnya roboh kerana banjir.

**5. Seorang yang tabah.**

- Dahlia tabah menghadapi penghinaan daripada Aton yang menuduhnya sebagai punca kematian Said.

\*\*\*[terima jawapan lain yang relevan]

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 4(b)**

- (b) (i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (iii) Beri 1 markah untuk pernyataan **peristiwa yang menunjukkan nilai keprihatinan**.
- (iv) Beri 2 markah bagi setiap contoh peristiwa/huraian yang lengkap/jelas untuk **peristiwa yang menunjukkan nilai keprihatinan**.
- (v) Markah isi, maksimum 6 markah. (maksimum 3 markah bagi setiap pernyataan **peristiwa yang menunjukkan nilai keprihatinan** dan contoh peristiwa/huraian yang lengkap/betul/tepat).
- (vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.
- (vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
  - Baik : 2 markah
  - Lemah : 1 markah
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

**[Maksimum: 8 markah]**

**Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin**

**1. Peristiwa Lili prihatin akan nasib malang Che Jah.**

- Lili sangat prihatin akan nasib malang Che Jah dan anak-anaknya yang sering menjadi mangsa keganasan Seman. Lili telah meminta bantuan Puan Hamimah untuk membuat aduan tentang sikap Seman terhadap Che Jah.

**2. Peristiwa Danel prihatin akan keselamatan Lili.**

- Lili telah diculik oleh Rafik dan Haziq lalu disembunyikan di sebuah pondok usang di hujung kampung. Namun begitu, kerana rasa tanggungjawab dan prihatin terhadap rakan, dia telah berusaha untuk menjelaki Lili dan dia akhirnya telah berjaya menyelamatkan Lili pada waktu malam.

**3. Peristiwa nenek prihatin akan keselamatan Lili.**

- Nenek prihatin memikirkan keselamatan Lili yang pergi menziarahi Rafik dan Haziq yang cedera dibelasah oleh Seman.

**4. Peristiwa datuk prihatin akan pesakitnya.**

- Datuk akan membantu sedaya upaya pesakit yang datang berubat dengannya menggunakan kaedah perubatan tradisional yang berdasarkan akar-akar kayu dan daun-daun herba. Datuk telah merawat ibu Geetha yang menghidap penyakit kencing manis.

**5. Peristiwa Lili dan Danel prihatin akan masalah penduduk kampung.**

- Lili dan Danel telah membantu menyelesaikan isu pemasangan kubah yang menjadi punca pertengkaran penduduk Kampung Sentosa kerana penduduk kampung gagal mencapai kata sepakat sama ada kubah itu akan dipasang pada bumbung surau atau pada bumbung masjid yang bakal dibina.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

**Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip****1. Peristiwa Dahlia prihatin akan masalah keluarganya.**

- Demi keprihatinan yang amat mendalam terhadap keluarga, Dahlia sanggup berkorban keluar dari asrama kerana ingin menguruskan adik-adiknya yang masih kecil setelah ibunya dimasukkan ke hospital akibat kemurungan. Ayahnya juga dirawat di hospital kerana dipatuk ular.

**2. Peristiwa Tauke Lim prihatin akan kemiskinan keluaga Embong.**

- Tauke Lim prihatin akan kesusahan keluarga Embong dengan membenarkan mereka berhutang di kedainya.

**3. Peristiwa Abu Bakar prihatin apabila Dahlia difitnah.**

- Abu Bakar cuba mempertahankan kakaknya Dahlia apabila Aton menyindir dan menfitnah Dahlia dengan menyatakan Dahlia punca kematian anaknya Said semasa persiapan kenduri Maulidur Rasul. Dia memujuk kakaknya yang menangis di dalam bilik.

**4. Peristiwa Haji Sulaiman prihatin akan masalah keluarga Embong.**

- Haji Sulaiman prihatin dan mengambil berat masalah Embong dengan membantu Embong mencari Saleha dan menghantar Saleha ke hospital untuk mendapatkan rawatan.

**5. Peristiwa penduduk kampung prihatin akan musibah yang menimpa keluarga Embong.**

- Penduduk Kampung Parit Haji Rais bergotong-royong membina rumah Embong bagi menggantikan rumahnya yang telah runtuh dan hanyut dibawa arus deras ketika banjir melanda kampung itu.

\*\*\*[terima jawapan lain yang relevan]

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**